

# Bantuan hanya jika berdikari

Oleh Othman Mamat dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BH 21 SEP 1993

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan terus membantu usahawan Bumiputera yang memajukan perusahaan tertentu tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan menyokong penuh usahawan seumpama itu dan berpendapat mereka perlu dibantu bagi mengembang dan meluaskan perusahaan ke tahap yang lebih maju.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan dengan jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu di sini hari ini, beliau kagum kerana ramai usahawan Bumiputera kini berjaya menceburi sektor pembuatan dengan usaha sendiri tanpa bantuan kerajaan.

"Kita gemar dan akan menyokong usahawan yang berusaha sendiri. Golongan ini yang perlu

kita bantu, bukannya mereka yang sering meminta bantuan kerajaan.

"Mereka yang ada kebolehan akan dibantu untuk meningkatkan prestasi masing-masing," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba di sini untuk lawatan sehari dengan menaiki kereta api Eastern & Oriental Express dari Kuala Lumpur, disambut dengan penuh istiadat tradisi.

Beliau diiringi oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, dan Pengarah Urusan KTM Berhad (KTMB), Datuk Abdul Rahim Osman.

Turut berada di stesen kereta api Alor Star, di sini, ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan.

Beliau kemudian mendengar taklimat mengenai industri kecil dan se-

derhana (IKS) dan mengadakan perjumpaan dengan ahli perniagaan dari Kedah di ibu pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda).

Perdana Menteri juga berkata, beliau kagum kerana banyak usahawan Melayu menyertai sektor pembuatan sehingga memiliki kebolehan dan berjaya membekalkan bahan untuk kilang elektronik.

"Saya mengucapkan tahniah kepada mereka kerana dulu kita tidak pernah terfikir usahawan Bumiputera mampu mengeluarkan bahan seperti alat acuan dan papan chip untuk dibekalkan kepada kilang terkenal, termasuk Sony," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, mutu bahan yang mereka keluarkan sampai ke tahap ISO 9000 Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) dan boleh dieksport.

Menurutnya, ini mem-

buktikan bahawa Bumiputera mempunyai kebolehan tetapi cuma menghadapi masalah kekurangan modal dan tempat.

Beliau berkata, fungsi agensi kerajaan, seperti Keda ialah memberi bantuan, termasuk menyediakan tempat supaya mereka boleh meneruskan aktiviti secara lebih berkesan dan mengembangkan perusahaan masing-masing.

Mengenai kereta api Eastern & Oriental Express, Dr Mahathir berkata, kerajaan menyokong perkhidmatan itu kerana ia berfungsi memajukan industri pelancongan tempatan dan meningkatkan pendapatan rakyat serta negara.

Menurutnya, perkhidmatan itu bukan untuk orang ramai tetapi pelancong asing dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun yang suka dengan gaya mewah.